



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُونُ لَوِي كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

U

R

H

P

JPK BONDING DAY

MOHAMAD FAHRIN ROSLI & MOHD IKMAL ABDUL HALIM



Pada 12 Julai 2025, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah menganjurkan program JPK *Bonding Day* bertempat di kawasan rekreasi sungai yang tenang dan indah. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, mengukuhkan kerjasama, serta membina semangat berpasukan dalam kalangan ahli jawatankuasa.



Sepanjang program, para peserta menikmati pelbagai aktiviti santai seperti permainan berkumpulan, aktiviti riadah di sungai, serta sesi santai bersama. Suasana mesra dan penuh gelak tawa mencerminkan keakraban yang terjalin di antara mereka. Inisiatif ini sekaligus memberi peluang untuk ahli JPK berehat daripada kesibukan tugas harian sambil memperkukuhkan ikatan kekeluargaan dalam organisasi.

Selain mengukuhkan ukhuwah, program ini juga menjadi platform untuk melatih kemahiran insaniah dalam kalangan ahli JPK seperti kepimpinan, komunikasi berkesan, kerjasama berpasukan serta pengurusan emosi ketika berdepan cabaran. Aktiviti santai yang dijalankan bukan sahaja mencetuskan suasana ceria, malah turut mengajar peserta tentang nilai tolak ansur, rasa tanggungjawab dan saling menghargai antara satu sama lain



Secara keseluruhannya, JPK *Bonding Day* telah berjaya mencapai objektif penganjuran dengan memberikan pengalaman yang bermakna, mencipta kenangan manis bersama serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan ahli jawatankuasa. Program ini bukan sahaja menjadi ruang untuk berehat daripada kesibukan tugas harian, malah turut menjadi medium pembinaan semangat setiakawan, toleransi, serta rasa kebersamaan yang kukuh. Diharapkan aktiviti sebegini akan terus dilaksanakan pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai ahli bagi memastikan ukhuwah dan semangat pasukan dalam kalangan JPK sentiasa utuh, berkembang dan berterusan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini, kerana tanpa kerjasama dan dedikasi mereka, JPK *Bonding Day* tidak akan dapat direalisasikan dengan begitu meriah dan bermakna